

Ruj. Kami : ANM.PK.G.600-/1/1/2JLD.4( 75 )  
Tarikh : 3 Oktober 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan,

**PENGEMASKINIAN PELAKSANAAN SEKATAN ROLE PUSAT TANGGUNGJAWAB KE ATAS 56 KOD POTONGAN GAJI BAGI AGENSI POTONGAN GAJI DAN LOAN MANAGEMENT SYSTEM**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, pengemaskinian pelaksanaan sekatan kod-kod potongan gaji bagi *role* pengguna di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah dilaksanakan dengan melibatkan 56 kod iaitu 46 kod potongan Agensi Potongan Gaji (APG) dan 10 kod potongan Modul LMS (*Loan Management System*).
3. Kawalan sekatan ini dilaksanakan di dalam Sistem HCM iGFMAS kerana semakan mendapati masih ada PTJ melakukan perubahan ke atas rekod-rekod potongan gaji yang telah selesai diproses oleh Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP).
4. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat senario yang melibatkan penyelesaian pembayaran penuh dan bagi mengelakkan pemotongan berganda, pihak PTJ perlu membuat permohonan tindakan penamatkan (*delimit*) rekod potongan bersama-sama dokumen sokongan daripada pihak APG ke Unit Gaji, Jabatan Aktauntan Negeri Perak (JANM Perak) melalui email [gaji\\_prk@anm.gov.my](mailto:gaji_prk@anm.gov.my).
5. Bersama-sama ini dilampirkan Senarai Kod Potongan Gaji yang dikawal melalui sekatan ke atas *role* PTJ dari membuat sebarang tindakan *Create/Change/Delete/Delimit* di skrin *Maintain Master Data* (PA30) untuk perhatian dan tindakan pihak tuan/ puan.
6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**